

Ratusan terperangkap dalam banjir kilat

Kuala Lumpur: Hujan lebat hampir sejam yang turun sekitar ibu negara menyebabkan ratusan kenderaan terperangkap dalam kesesakan akibat banjir kilat.

Hujan sejak jam 7 malam menyebabkan beberapa jalan utama, antaranya Jalan Mahameru/Semantan, Kampung Baru, Jalan Duta, Jalan Pantai Baru dan laluan berhampiran Stadium Hoki di Jalan Duta dinaiki air.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika dihubungi, berkata pihaknya menerima laporan beberapa jalan utama di ibu negara dinaiki air lebih setengah meter menyebabkan beberapa kenderaan terperangkap.

Hujan mula reda

“Beberapa kenderaan dilaporkan terperangkap dalam banjir, manakala ratusan lagi terperangkap dalam kesesakan dan hanya kembali lancar kira-kira jam 9.15 malam selepas hujan mula reda dan banjir kilat mula surut,” katanya.

Sementara itu, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Lembah Pantai dikejarkan ke Jalan Pantai Baru selepas menerima laporan sebuah PROTON Wira dan BMW terperangkap dalam banjir kilat.

“Bomba menerima laporan kejadian itu jam 8.45 malam sebelum sepasukan anggota bergegas ke tempat kejadian untuk membantu menolak dua kenderaan terbabit keluar dari kawasan banjir,” kata jurucakap bomba.



Dua kenderaan dinaiki air dalam banjir kilat di Jalan Pantai Baru.

[FOTO SYAHARIM ABIDIN / BH]